



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JMK 415 – KESUSASTERAAN, BUDAYA DAN MEDIA BARU

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH (7)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Pilih dan jawab **EMPAT (4)** soalan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Kesusasteraan dan media baru adalah dua medium yang saling memerlukan terutama dalam konteks masa kini. Kebudayaan pula didukung oleh kedua-dua medium tersebut. Adakah anda setuju dengan pendapat ini? Bincangkan.

(25 markah)
2. Tipografi ialah satu bidang seni reka penghurufan dan reka letak taip yang juga diterima sebagai satu bentuk komunikasi visual yang lazimnya disusun dalam frasa, kenyataan, idea dan informasi. Ia telah menjadi medium yang mulai popular dan diaplikasikan dalam menghasilkan puisi. Berdasarkan puisi yang diberi, kenalpasti elemen tipografi dan bincangkan bagaimana elemen tersebut menyumbang pada keindahan, keunikan dan makna puisi berkenaan (Lampiran A).

(25 markah)
3. Teks *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin* diusahakan oleh seorang Bendahara bernama Tun Sri Lanang sekitar tahun 1612 iaitu sezaman dengan kebangkitan Kesultanan Johor ketika itu. Kisah-kisah yang dipaparkan dalam teks berkenaan telah diadaptasikan ke dalam pelbagai genre kesusasteraan moden seperti puisi. Antaranya ialah kumpulan puisi *Sajak-Sajak Sejarah Melayu* yang mengandungi 34 buah sajak berdasarkan episod terpilih. Antaranya ialah episod yang menceritakan tentang seorang gadis bangsawan bernama Tun Teja dalam “Ceritera yang kedua puluh Sembilan (i)”. Apakah keistimewaan karya yang telah diadaptasikan itu? (Lampiran B).

(25 markah)
4. Apakah filem eksploitasi? Berdasarkan sebuah filem yang pernah anda saksikan, bincangkan kesan positif dan negatif filem berkenaan pada khalayak.

(25 markah)
5. Kebudayaan membawa cakupan makna yang sangat luas dan mendalam. Bagaimana isu-isu kebudayaan melalui genre kesusasteraan dapat diterapkan ke dalam minda masyarakat? Dalam konteks generasi kini didapati budaya membaca semakin mengecil. Bagaimanakah karya kesusasteraan yang dipindahkan ke media baru dapat membantu dalam hal ini? Bincangkan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

6. Berdasarkan sebuah teks kesusasteraan yang telah dipindahkan ke media baru sama ada ke teater, filem atau drama bersiri, bincangkan sejauhmana produksi berkaitan setia pada teks asal?

(25 markah)

LAMPIRAN A

Lokomotif

++++ (1885) Sebermula:
Melintasi sempadan negeri
ke negeri, menjelajah hutan
siang, mengharung terowong
malam, mengheret gerabak-
gerabak penumpang dan barang;
melenggang ke kanan
melenggok ke kiri dan kanan,
menuju ke hadapan
perlahan 'gostan', melaju langsung
ke era zaman melalui
stesen-stesen –
menghenjut-henjut menaiki banjaran
menuruni lurah dataran
menyeberangi tambak
ke platform
dalam asap pum-pum, gema rentak roda +++++

O
Keretapi
+++++

O O
Keretapi-Keretapi
+++++++

O
Keretapi
+++++

O
Kereta
++++

O
Api
+++

O
LOKOMOTIF
+++++++

+++++ Wisel, bendera dan peluitnya
mengembara di atas
keping-keping
besi, kayu dan butir batu
di rel sepanjang
seratus tahun (1985) +++++

Fuzi Hadi
Alor Setar, Kedah
1985

Berita Minggu
15 September 1985

LAMPIRAN B

*Maka sultan bertanyakan peri baik paras
Tun Teja, anak Bendahara Pahang, dikhabarkan orang,
“Tidaklah ada samanya
Seorang pun pada zaman ini.”*

bayang duku lembut dingin di kulit
bayu dari pulau-pulau menyiram hasrat hidup
lapang laut mententeramkan,
air sungai mengalir hari di usia.

alam yang sempurna
menyempurkan puteri,
Teja, besar di istana besar Pahang,
diajar oleh ibu, dihaluskan oleh nenek
dilatih oleh inang yang sabra.

tiada bandingnya teja di Pahang tua
bujur sirih wajahnya, kuning langsung kulitnya
dicampurinya putih dan kuning lembayung
rambut hitam ikalnya panjang ke pinggang
bergulung di pipi dan telinga
keningnya hitam malam,
hutan kecil rahsia.

bibirnya merah delima Parsi
cerah, seperti berbayang inginnya,
giginya putih gading
dimaniskan oleh senyum basah.

hidungnya comel,
perang cair matanya,
yang tunduk bila melihat.
lehernya jinjang putih
diajar selalu menunduk, malu Bahasa,
dadanya bidang, bulat sepenuh tumbuh,
disembunyikan baji tapi ditunjukkan
oleh bayang badannya.

[JMK 415]

- 7 -

jalannya beratur, licin dan kecil-kecil
seperti rama-rama
menyambung suatu gerak dengan lainnya.

sesiapa melihat Tun Teja
akan membawanya pulang ke mimpi
dan mengurungnya di hati hingga jadi berahi.

-oooOooo-

...8/-